

SEJARAH

KERTAS 1

1 JAM

satu jam

JABATAN PELAJARAN NEGERI PULAU PINANG**MODUL LATIHAN SPM 2017****SET 4**

SEJARAH

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D . Bagi setiap soalan, pilih SATU jawapan sahaja. HITAMKAN jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*

Modul latihan berfokus ini mengandungi 11 halaman bercetak

SET 4

*Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan objektif.
Jawab semua soalan.*

- 1 Apakah faktor yang membawa kepada pengkhususan pekerjaan dalam tamadun awal?
 - A Perkembangan sektor pertanian
 - B Kewujudan agama dan kepercayaan
 - C Perkembangan sistem pemerintahan
 - D Pembentukan organisasi sosial dan politik

- 2 Masyarakat manakah yang telah mencipta kertas daripada pokok papyrus?
 - A Indus
 - B Hwang Ho
 - C Mesir Purba
 - D Mesopotamia

- 3 Maharaja Shih Huang Ti berjaya menyatukan seluruh kerajaan kecil di China dan membentuk empayar iaitu Dinasti Chin.

Apakah corak pemerintahan beliau?
 - A Autokratik
 - B Demokrasi
 - C Republik
 - D Tirani

- 4 Apakah perkara yang diberi penekanan dalam ajaran Confucianisme ?
 - A Tolerasi
 - B Kasih sayang
 - C Kebenaran
 - D Moral tinggi

- 5 Apakah iktibar yang boleh diambil daripada kejayaan kerajaan agraria?
 - I Memanfaatkan setiap kurniaan Tuhan
 - II Mengamalkan budi pekerti mulia
 - III Berani memperjuangkan hak
 - IV Tidak mudah berputus asa
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 6 Mengapakah konsep *dewaraja* dapat menjamin kesetiaan rakyat kepada pemerintah?
- I Rakyat dipaksa mentaati raja
 - II Rakyat jahil dalam agama
 - III Rakyat menganggap Raja adalah Tuhan
 - IV Rakyat mengakui Raja mempunyai kesaktian
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 7 Nilai kan kesan keruntuhan empangan Maarib kepada masyarakat yang hidup di Semenanjung Tanah Arab.
- A Permulaan Zaman Jahiliah
 - B Masyarakat Islam berhijrah
 - C Kelahiran Nabi Muhammad s.a.w
 - D Tamatnya Zaman Jahiliah

- 8 Dialog berikut mungkin berlaku dalam kalangan pemimpin Quraisy di Makkah.

Pemimpin 1	: Muhammad perlu ditentang habis-habisan kerana dia menggugat kedudukan kita sebagai pemimpin masyarakat.
Pemimpin 2	: Ya, tambahan pula ajarannya bertentangan dengan amalan nenek moyang kita.

Mengapakah pemimpin-pemimpin tersebut mengeluarkan dialog sedemikian?

- I Prinsip persamaan taraf sesama manusia
 - II Tanggapan salah terhadap tugas nabi
 - III Perbezaan dari segi kepercayaan
 - IV Konsep persaudaraan Islam
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 9 Faktor utama yang membawa kepada penghijrahan Nabi Muhammad s.a.w ke Madinah ialah
- A Jemputan masyarakat Arab Madinah
 - B Meneruskan penyebaran Islam
 - C Mendamaikan masyarakat Madinah
 - D Perintah Allah menerusi wahyu

- 10 Maklumat berikut berkaitan dengan hijrah.

Hijrah orang Islam Makkah ke Madinah berlaku pada 1 Rabiulawal bersamaa 12 September 622M.

Bagaimanakah masyarakat hari ini dapat mengaplikasikan konsep hijrah dalam kehidupan mereka?


- A Meninggalkan kemewahan
 - B Berubah dari kejahatan kepada kebaikan
 - C Mengembara ke seluruh dunia
 - D Bekerja sambil lewa
- 11 Kerajaan Bani Abbasiyah ini mengambil sempena nama al-Abbas. Bagaimanakah pembentukan kerajaan Bani Abbasiyah.
- A Serangan orang Mongol
 - B Penawanan kota Baghdad
 - C Melalui Revolusi Abbasiyah
 - D Keruntuhan Turki Utmaiayah
- 12 Sistem berikut telah dilaksanakan semasa pemerintahan dan pentadbiran Kerajaan Bani Umaiyah.

Sistem hijabah

Mengapakah sistem tersebut diperkenalkan.

- A Mempertahankan negara
 - B Menguruskan surat menyurat
 - C Melicinkan pentadbiran wilayah
 - D Menjamin keselamatan khalifah
- 13 Apakah bukti kedatangan Islam ke Asia Tenggara dari Semenanjung Tanah Arab?
- I Batu nisan di Kampung Permatang Pasir, Pahang
 - II Perkampungan Islam di Sumatera Utara
 - III Persamaan bahan kesusasteraan di Asia Tenggara
 - IV Pengaruh budaya Arab dalam kebudayaan orang Melayu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 14 Sistem politik Asia Tenggara mengalami perubahan selepas kedatangan Islam. Apakah perubahan tersebut?
- I Institusi kesultanan diperkenalkan
 - II Islam dijadikan asas perundangan
 - III Pembesar dilantik secara musyawarah
 - IV Sistem raja berkuasa mutlak
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 15 Pada pendapat anda, mengapakah orang tua zaman dahulu melarang anak perempuan menyanyi di dapur?
- A Menjaga maruah dan akidah
 - B Supaya tidak lewat berkahwin
 - C Supaya tidak mendapat suami yang tua
 - D Mengelakkan daripada masakan mentah
- 16 Pendidikan tidak formal merupakan pendidikan awal yang berlaku dalam institusi
- A istana
 - B masjid
 - C keluarga
 - D sekolah pondok
- 17 Rajah berikut berkaitan dengan sistem masyarakat feudal.



Apakah persamaan tersebut?


- I Raja penaung dalam negara
 - II Pembesar berkhidmat kepada raja
 - III Kuasa tertinggi terletak pada ahli agama
 - IV Petani dikehendaki membayar cukai kepada raja
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 18 Mengapakah orang Eropah menghadapi masalah untuk mendapatkan barangan dari Timur selepas tahun 1453?
- A Penguasaan Istanbul oleh Turki
 - B Kerajaan Turki telah mula berdagang dengan Timur
 - C Kerajaan Turki telah menyekat barangan dari Timur
 - D Kejatuhan kerajaan Turki di Eropah
- 19 Antara berikut undang-undang manakah yang membahagikan tanah Sarawak kepada kawasan tanah campuran, kawasan tanah simpanan dan kawasan tanah pedalaman?
- A Land Order 1931
 - B Land Order 1948
 - C Land Settlement Order
 - D Akta Tanah Simpanan Melayu
- 20 Pernyataan berikut merupakan sistem pendidikan zaman penjajah.

Sistem Pendidikan Vernakular

Apakah implikasi sistem pendidikan tersebut terhadap penduduk tempatan di Tanah Melayu?

- A Menyekat peluang penduduk tempatan mendapatkan pekerjaan
 - B Mengekalkan identiti bahasa pelbagai kaum di Tanah Melayu
 - C Mengembangkan kebudayaan setiap kaum di Tanah Melayu
 - D Gagal memupuk unsur perpaduan bangsa di Tanah Melayu
- 21 Pernyataan berikut merupakan pengenalan sistem birokrasi Barat di IndoChina



Apakah tanggungjawab kerajaan tempatan kepada kerajaan pusat di IndoChina?

- I Membayar cukai
 - II Menyediakan kerahan tenaga
 - III Memasarkan barangan Perancis
 - IV Mematahkan pemberontakan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 22 Perkembangan nasionalisme di Asia Tenggara terbahagi kepada tahap pertama dan tahap kedua.
Mengapakah gerakan nasionalisme tahap pertama gagal mencapai matlamatnya?
- A Pemimpin dipenjar
B Rakyat tidak bersatu
C Berlaku campur tangan raja
D Gerakan bersifat sederhana
- 23 Sistem Encomienda diperkenalkan oleh Sepanyol di Filipina.
Mengapakah rakyat Filipina menentang pelaksanaan sistem tersebut?
- I Penduduk dikenakan cukai yang tinggi
II Peningkatan kemasukan imigran
III Menjalankan perkongsian kuasa
IV Kerahan tenaga dilaksanakan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 24 British telah memperkenalkan sistem cukai dan peraturan tanah di negeri Terengganu.
Mengapakah sistem tersebut mendapat tentangan daripada penduduk setempat?
- A Berlaku perebutan kawasan
B Bertentangan dengan amalan tradisi
C Kerugian hasil pendapatan penduduk
D Kehilangan warisan pusaka
- 25 Maklumat berikut menunjukkan kesan perjuangan pemimpin tempatan menentang British.

Tokoh	Kesan
Tok Janggut	Terkorban dalam perjuangan menentang British di Kelantan
Haji Abdul Rahman Limbong	Tewas dalam perjuangan dan dibuang negeri ke Makkah

Apakah iktibar yang dapat diperolehi oleh generasi muda pada hari ini berdasarkan peristiwa tersebut?

- A Melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan
B Menjauhkan diri daripada terpengaruh anasir Barat
C Merasa bangga terhadap pembinaan negara bangsa
D Mempertahankan negara daripada penjajahan kuasa asing

- 26 Undang-undang berikut digubal untuk menghalang rancangan British menguasai negeri Melayu.

- Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor
- X

Apakah X?

- A Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah
 - B Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang
 - C Undang-undang Tubuh Kerajaan Kelantan
 - D Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu
- 27 Mengapakah negeri Johor dikatakan telah mempunyai ciri asas pembinaan negara dan bangsa pada tahun 1895?
- A Pembentukan kerajaan berkuasa mutlak
 - B Pemilihan pemerintah berlandaskan musyawarah
 - C Penggubalan perlembagaan bertulis yang lengkap
 - D Pemberian kerakyatan kepada pelbagai kaum
- 28 Apakah kesan peristiwa pengisytiharan Malayan Union kepada orang Melayu?
- A Mencapai kemerdekaan
 - B Mengukuhkan kuasa raja
 - C Membentuk perpaduan rakyat
 - D Meningkatkan perpaduan negara
- 29 Mengapakah bekas pegawai British yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia kedua turut menentang Malayan Union?
- A Menolak dasar penaklukan
 - B Menyekat peluang pelaburan
 - C Membantah kerakyatan jus soli
 - D Menjejaskan hubungan antara kaum
- 30 Pada tahun 1956, Tunku Abdul Rahman mengetuai rombongan kemerdekaan ke London.
- Apakah persetujuan yang dicapai hasil rundingan di London pada Februari 1956?
- A Pelantikan Tunku Abdul Rahman menerajui pentadbiran
 - B Pemberian kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu
 - C Penyusunan struktur pentadbiran negara
 - D Penubuhan Suruhanjaya Reid

- 31 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah ditandatangani antara Raja-Raja Melayu dengan pihak British pada 15 Ogos 1957.

Apakah kepentingan peristiwa tersebut terhadap penduduk tempatan?

- A Kuasa Raja-Raja Melayu dipulihkan
- B Tunku diiktiraf sebagai ketua negara
- C Kerjasama pelbagai kaum membentuk kerajaan
- D British bersetuju memberi kemerdekaan

- 32 Lee Kuan Yew mencadangkan agar Singapura digabungkan dengan Persekutuan Tanah Melayu.

Apakah faktor yang mendorong penggabungan tersebut?

- I Desakan pemimpin British
- II Pengaruh Barisan Sosialis
- III Mempercepatkan kemerdekaan
- IV Menjamin kepentingan sebagai pelabuhan bebas

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 33 Tokoh berikut telah mencadangkan idea pembentukan Malaysia pada tahun 1959.

Tokoh	Cadangan
Lee Kuan Yew	Singapura digabungkan dengan Persekutuan Tanah Melayu

Mengapakah Tunku Abdul Rahman menolak cadangan tersebut?

- A Penguasaan ekonomi oleh orang asing
- B Pengaruh komunis akan berkembang
- C Penduduk tidak seimbang
- D Perpaduan kaum sukar dibentuk

- 34 Maklumat berikut berkaitan dengan perkara yang terdapat dalam Perlembagaan Malaysia.

Perkara 24
Perkara 25

Apakah kandungan yang terdapat dalam perkara tersebut?

- A Kebebasan bersuara
B Kedudukan bumiputera
C Pembatalan undang – undang
D Perlucutan kewarganegaraan
- 35 Lagu kebangsaan negara kita digubah berdasarkan lagu *Terang Bulan*.
Apakah kelebihan yang terdapat dalam lagu tersebut?
- A Menjelaskan perpaduan kaum
B Mempunyai irama yang merdu
C Mengandungi unsur kemelayuan
D Mempunyai senikata yang indah
- 36 Matlamat Rancangan Malaya Pertama adalah untuk mengurangkan kadar kemiskinan dalam kalangan penduduk luar bandar.
Apakah langkah kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut?
- A Memulakan industri berat
B Memajukan sektor pelancongan
C Menambahkan peluang pekerjaan
D Menggalakkan penghijrahan ke bandar
- 37 Maklumat berikut menerangkan matlamat yang ingin dicapai oleh kerajaan.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Mengurangkan beban kewangan kerajaan• Meningkatkan produktiviti dan kualiti barangan serta perkhidmatan |
|--|

Apakah dasar untuk menjayakan matlamat tersebut?

- A Dasar Penswastaaan
B Dasar Ekonomi Baru
C Dasar Hala Tuju Cara Baru
D Dasar Pensyarikatan Malaysia

38 Mengapakah rakyat Malaysia perlu menghayati prinsip Rukun Negara?

- A Ideologi kebangsaan negara
- B Asas kepada sistem demokrasi
- C Sebahagian falsafah pendidikan
- D Memupuk semangat persaingan

39 Gambar berikut menunjukkan logo sukan Komanwel yang diadakan di Rio De Janeiro, Brazil.



Mengapakah Malaysia perlu menyertai sukan tersebut?

- A Mendapatkan ganjaran
 - B Menggalakkan persaingan
 - C Meningkatkan perpaduan
 - D Membuktikan kekuatan
- 40 Bagaimanakah Malaysia menerusi dasar luarnya menyekat perkembangan pengaruh komunis?
- A Bantuan daripada PBB
 - B Perjanjian ketenteraan
 - C Mengisytiharkan darurat
 - D Mengisytiharkan ZOPFAN

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT